

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas Nabi junjungan besar Muhammad SAW serta ahli keluarganya, sahabat-sahabat baginda, para *tabi'in* dan seterusnya pewaris-pewaris perjuangannya. Syukur kehadrat ilahi, kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan disertasi ini dalam jangka masa yang telah ditetapkan bagi menyempurnakan pengajian saya diperingkat sarjana.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Anisah Ab. Ghani yang telah memberi dorongan dan bimbingan di samping memberi pendapat yang berguna dalam menjayakan disertasi sarjana ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada ketua jabatan, semua pensyarah dan kakitangan di Jabatan Fiqh dan Usul yang membantu saya samaada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan pengajian saya.

Tidak dilupakan juga, ucapan terima kasih kepada pihak penaja saya iaitu Bahagian Tajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia, rakan-rakan guru yang membantu saya mendapatkan data khususnya pihak-pihak sekolah yang terlibat dalam memberi kerjasama yang baik semasa kajian dijalankan.

Penghargaan ini juga saya tujukan khas buat isteri yang tercinta Zulfa Hasbullah, atas galakan, dorongan dan pengorbanan masa yang diberikan dalam menyiapkan disertasi ini.

Akhir kata, terima kasih buat semua pihak yang membantu dalam proses menyiapkan kajian ini. Segala jasa kalian akan dikenang dan terpahat dalam sanubari. Sekian, terima kasih.

Lokman Bin Musa  
Jabatan Fiqh Dan Usul  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya